

KISAH DUKA SENIMAN AGUNG TAN SRI P RAMLEE

Oleh: Yasmin Suraya binti Zonkifle, 1172557,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 25 Ogos 2020

“Jika aku mati, aku akan hidup seribu tahun lagi.”

Allahyarham Tan Sri P Ramlee



Sumber: Google Image

Belum sempat untuk berkongsi, sudahpun terasa sebak di dada. Berat untuk melepapkan mata setelah menonton sebuah dokumentari berdurasi 120 minit yang memaparkan biografi seniman agung, Allahyarham Tan Sri P Ramlee yang ditayangkan melalui ‘History Channel’ di YouTube.

Legenda terkenal yang tiada pengganti itu banyak memberi sumbangan terhadap industri seni tanah air melalui filem-filem dan lagu-lagu beliau.

Malah, P Ramlee merupakan wajah bangsa Malaysia yang kemunculannya boleh diibaratkan satu dalam sejuta.

Kebijaksanaan P Ramlee dapat dilihat melalui karya beliau yang sangat kaya dengan idea dan falsafah seni yang jauh melangkaui masa.

Khazanah seni beliau sangat bernilai dan penuh dengan kritikan, nasihat dan pengajaran yang disampaikan kepada masyarakat secara santai.

Dokumentari tersebut juga memaparkan wawancara bersama barisan rakan pelakon yang pernah bekerjasama dengannya.

Mereka menceritakan tentang keperibadian P Ramlee dan berkongsi detik-detik bersama Allahyarham.



Sumber: The Patriots Asia

Di sebalik kehebatan karya agung beliau, tersembunyi kisah tragik yang amat menyayat hati. Kehidupan P Ramlee tidak segembira dan semewah yang kita sangka.

Bukan sahaja tidak dihargai malah beliau menjadi kera sumbang akibat dipulau rakan-rakan, dijatuhkan, dicaci dan dimalukan serta banyak ditimpa kekecewaan dan kesedihan.

Sekitar awal 1970-an, beliau tidak berpeluang untuk menyanyi, mengarah filem atau berlakon. P Ramlee tidak lagi mendapat liputan media.

Kontraknya dengan produksi filem, Shaw Brothers Production ditamatkan. Syarikat Rakaman EMI yang banyak mengaut keuntungan hasil lagu-lagu beliau mengatakan bahawa lagu-lagunya tidak lagi didengari dan suaranya sudah tidak digemari.

Pernah pada satu ketika, P Ramlee terpaksa mengeluarkan modal sendiri untuk membuat filem setelah pihak produksi tidak mahu bekerjasama dengannya.

Beliau pernah berkata kepada Seniwati Mariani bahawa orang sudah tidak mempedulikannya dan tidak suka dengan karyanya.

Allahyarham berasa sangat kecewa kerana cita-citanya untuk menjadikan filem Melayu lebih maju tidak kesampaian.

P Ramlee dijemput untuk Konsert Tiga Ramlee di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) namun penonton mempersendakan beliau ketika sedang membuat persembahan di pentas utama.

Stesen televisyen RTM juga tidak menawarkan peluang kepada P Ramlee malah, apabila menemani isterinya, Puan Sri Saloma ke sana, beliau hanya duduk di kantin sahaja.

Kunjungannya ke Singapura untuk Pesta Filem Asia Pasifik juga menjadi memori sedih apabila tiada seorang pun delegasi tempatan mempelawanya untuk duduk bersama. Beliau terpaksa mencari kerusi sendiri dan duduk bersama delegasi Singapura.

Lebih menyedihkan, khazanah filem-filem beliau bukan miliknya atau Malaysia. Sebaliknya, Shaw Brothers yang meraih keuntungan hasil karya seni beliau seperti filem *Pendekar Bujang Lapuk*, *Ibu Mertuaku* dan *Nujum Pak Belalang*.

“Jika muzik irama Malaysia seperti joget dan sebagainya tidak diterap ke dada generasi Melayu, lama kelamaan seni warisan nenek moyang ini akan hilang.” - Allahyarham Tan Sri P Ramlee

Sayang sekali, jasa beliau hanya dihargai dan dikenang setelah pemergiannya. Semoga jasa dan usaha seniman agung seperti Allahyarham P Ramlee sentiasa dikenang dan abadi sepanjang zaman. Al-Fatihah.